

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 36

OPR kekal tiga peratus

# OPR kekal tiga peratus

**PETALING JAYA** – Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada tiga peratus susulan mesyuarat yang berlangsung semalam.

Menurutnya, dalam Pernyataan Dasar Monetari yang dikeluarkan di sini, pertumbuhan ekonomi serantau dijangka bertambah baik, manakala pertumbuhan China mungkin kekal sederhana berikutan pasaran harta tanah yang terus lemah.

Jelasnya, perdagangan global dijangka kukuh apabila momentum pemulihan kitaran menaik teknologi bertambah baik.

“Inflasi keseluruhan dan inflasi teras global menurun sedikit pada bulan-bulan kebelakangan ini dengan pelonggaran monetari di beberapa negara mungkin berlaku pada separuh kedua tahun ini.

“Bagaimanapun, pendirian dasar monetari global dijangka kekal ketat pada tempoh terdekat, dengan inflasi terus berada pada paras melebihi purata.

“Prospek pertumbuhan terus bergantung kepada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, disebabkan terutamanya oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan dan *volatility* dalam pasa-

ran kewangan global,” katanya.

Sementara pada peringkat domestik, BNM berkata, pertumbuhan dijangka meningkat pada tahun 2024, didorong oleh pemulihran eksport dan perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan.

“Inflasi pada tahun 2024 dijangka kekal sederhana, mencerminkan secara amnya keadaan permintaan yang stabil dan tekanan kos yang terkawal.

“Bagaimanapun, prospek inflasi terus bergantung pada pelaksanaan dasar dalam negeri mengenai subsidi dan kawalan harga serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global,” katanya.

Berhubung isu ringgit, BNM berkata, kerajaan dan pihaknya sedang menyelaraskan tindakan untuk menggalakkan Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan membawa balik dan menukar kan pendapatan pelaburan asing mereka kepada ringgit.

“Langkah ini akan menyebabkan aliran masuk yang lebih besar lantas memberikan sokongan untuk nilai ringgit yang lebih kukuh.

“Pada tempoh jangka sederhana, pembaharuan struktur yang berterusan akan memberikan sokongan yang lebih berpanjangan kepada ringgit,” katanya.